

CERPEN : LEGASI TAPAI UBI  
ANTOLOGI BINTANG HATI

**SINOPSIS**

***Lengkapkan sinopsis cerpen ini dengan maklumat yang tepat.***

|                        |                 |                        |                       |
|------------------------|-----------------|------------------------|-----------------------|
| <b>menara gading</b>   | <b>Agen</b>     | <b>dikhuatiri</b>      | <b>kilang</b>         |
| <b>Profesor Haidar</b> | <b>minyak</b>   | <b>tapai ubi</b>       | <b>dua tahun</b>      |
| <b>pantang larang</b>  | <b>bakteria</b> | <b>serangan kanser</b> | <b>alternatif</b>     |
| <b>matrikulasi</b>     | <b>Parjo</b>    | <b>Wak Salikon</b>     | <b>sel-sel kanser</b> |

Sejak kecil lagi \_\_\_\_\_ membantu emak dan bapanya menjual \_\_\_\_\_. Sebut sahaja 'tapai ubi \_\_\_\_\_', semua orang sudah tahu dan nama Parjo sudah sebatikan dengan makanan tersebut sehinggakan rakan-rakan sekolah menggelarnya 'Parjo Tapi'. Proses membuat tapai ubi agak rumit, kerana banyak \_\_\_\_\_ yang perlu dipatuhi, antaranya adalah tidak boleh memberitahu orang semasa membuat tapai, elakkan daripada terkena kotoran atau \_\_\_\_\_ dan tidak boleh membuat bising kerana \_\_\_\_\_ tapai tidak menjadi.

Dengan hasil jualan tapai ubi itulah Parjo dan adik-adiknya berjaya sehingga ke \_\_\_\_\_. Setelah tamat belajar di \_\_\_\_\_ selama \_\_\_\_\_, Parjo berjaya melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan. \_\_\_\_\_ telah memberi tugas kepada Parjo untuk membuat kajian bagi membuktikan tapai ubi dapat membantu mengurangkan \_\_\_\_\_. Kajian telah dilakukan dengan teliti dan akhirnya dia mendapati tapai ubi dapat menghasilkan \_\_\_\_\_ yang sangat bermanfaat kepada manusia, iaitu menghalang pertumbuhan \_\_\_\_\_. Hasil kajian Parjo telah mendapat pengiktirafan daripada pihak universiti sehinggalah dibawa pada peringkat antarabangsa.

Parjo telah membawa emak dan bapanya pada majlis konvokesyen. Kajian bertajuk "Tapai Ubi Sebagai \_\_\_\_\_ Penghalang Kanser" telah berjaya mengiktirafnya sebagai Dr. Parjo. Bagi Dr. Parjo, kejayaan itu ialah hasil inspirasi emak dan bapanya membuat tapai ubi. Akhirnya, \_\_\_\_\_ Perusahaan Tapi Ubi Wak Salikon telah didirikan di kampung Dr. Parjo kerana permintaan yang semakin meningkat. Dr. Parjo menjadi pensyarah perubatan dan meneruskan kajian tentang potensi tapai ubi sebagai pencegah \_\_\_\_\_ kepada berbagai-bagai jenis penyakit dengan tumpuan terhadap penyakit kanser.